

**SISTEM PERANCANGAN DI ZOO NEGARA
- SATU PENGANALISAAN KRITIKAL**

sebuah disertasi oleh

AMALINA BT. OTHMAN
K/P **ITM:** 86231066
Kursus Diploma Senibina Tahun 3

kepada Jabatan Senibina, Kajian Senibina Perancangan
dan Ukur, Institute Teknologi Mara, Shah Alam,
Selangor. Darul Ehsan sebagai roemenuhi
kehendak mata pelajarart ARC 392

**SISTEM PERANCANGAN DI ZOO NEGARA
- SATU PENGANALISAAN KRITIKAL**

Dissertasi ini telah dihantar kepada Jabatan Senibina,, Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi syarat matapelajaran ARC 392 (Dissertasi).

Disediakan oleh:

Nama: Amalina bt Othman
K.P. ITM: 86231066
Kursus: DIPLOMA SENIBINA (AP 13)
Tahun/Semester: Tahun 3 Semester 6.
Sessi: Julai - Disember 1988
Kajian: Kajian Senibina Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul-Ehsan.

SENARAI GAQMBAR

BAB 1		Halaman
1.0	Carta Pentadbiran Zoo - fail Zoo Negara	9
1.1	Peta Pembahagian Berma Haiwan	14
1.2	Pemandangan Penempatan Konsep Geografi Asal - New York Zoological Society	15
1.3	Konsep Pagar "ha-ha"	15
BAB 2		
2.0	Peta Seirienanjung Malaysia - Atlas Fajar Bakti.	17
2.1	Peta Lokasi Zoo Negara - Zoo Negara, Esso.	17
2.2	Pelan Zoo Negara dan Kawasan Sekitar - Fail Zoo Negara.	18
2.3	Zoo Negara 1963 - Fail Zoo Negara.	19
2.4	Zoo Negara 1989 - Zoo Negara, Esso.	20
2.5	Bentuk Muka Biri Zoo Negara.	23
2.6	Pelan Panduan Perjalanan di Zoo Negara.	27
2.7	Peiriandangan di bangunan Pintu Masuk Utama.	36
2.8	Laluan di sisi Penempatan Primat - Foto: Amalina.	36
2.9	Lau Burung - Foto: Amalina.	37

Prakata

' Alam semula jadi adalah khazanah yang amat berharga kepada manusia walaupun kegiatan manusia sering menghancurkannya. Manusia dari masa kesemasa seringkali berusaha untuk membinanya walaupun tidak seindah dan sempurna kejadian asalnya. Antara ciptaan manusia yang unik adalah taman zoologi atau yang biasa dikenali dengan zoo. Ini adalah kerana di antara usaha-usaha manusia itu hanya di zoo mereka cuba menyatukan tiga unsur atau komponen utama hidupan yang membentuk alam semulajadi iaitu manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Melalui pengajian ini saya membuat tinjauan sejauh manakah manusia berjaya dalam perancangan mereka dibidang ini dengan memberi tumpuan kepada perancangan Zoo Negara Malaysia sebagai fokus kajian. Sehingga kini kebanyakan kita iri-irang perancangan atau hal ehwal yang berkait dengan zoo menjadi tanggungjawab ahli zoologi, walhal pada hakikatnya kejayaan pengatur caraan ketiga-tiga unsur amat bergantung kepada prinsip-prinsip perancangan yang baik.

Insyallah dengan berbekalkan ilmu senibina yang telah dipelajari serta dengan sedikit pengalaman semasa membuat kajian ini saya dapat menyumbangkan pemikiran dalam bidang penganalisaan perancangan. Semoga usaha saya ini dapat memperkaya penulisan mengenai seni perancangan zoo, sekaligus dapat dimanfaatkan oleh para perancang pada masa yang akan datang.

Pengenalan

Oleh kerana pihak pentadbiran di Zoo Negara tidak dapat memberi kerjasama membekalkan maklumat yang terperinci mengenai pelan dan sistem perancangan di Zoo Negara, maka perlu dimaklumkan bahawa kajian ini telah banyak berdasarkan kepada pemerhatian serta kesimpulan yang dapat dibuat daripada sumber maklumat yang amat terhad.

Sumber Rujukan

Di Malaysia hampir tiada bahan tertulis tentang senibina dan perancangan zoo, apalagi yang dikarang oleh anak tempatan. Umumnya bidang zoologi dibincangkan. atau dikaji sebagai salah satu cabang biologi.

Buku-buku senibina berkaitan dengan pusat rekreasi yang didapati di perpustakaan juga tidak menyentuh mengenai zoo. Oleh kerana hambatan inilah saya telah merujuk buku-buku tentang tabiat haiwan untuk mengetahui hakikat, kesukaan dan sifat haiwan sahaja.

Bagaimanapun, terdapat empat buah bahan yang belum dicetak iaitu tulisan oleh Kurator Zoo Negara dan kertas kerja oleh pelajar universiti luar negeri yang diperolehi daripada koleksi bahan pendidikan Zoo Negara dan seorang kenalan.